

ISI KANDUNGAN

1. ALAT CORT IV
2. YA TIDAK PO
3. BATU LONCATAN
4. INPUT RAWAK
5. CABARAN KONSEP
6. IDEA DOMINAN
7. TAKRIFAN MASALAH
8. SINGKIRKAN KECACATAN
9. KOMBINASI
10. KEPERLUAN
11. PERNILAIAN
12. RUJUKAN

Alat Cort IV

Berfikir Kreatif

Kemahiran Berfikir Secara Kreatif ialah kecekapan atau keupayaan menggunakan minda untuk menjana dan menghasilkan idea yang tidak terhad, pelbagai, baru, asli, luar biasa, provokatif, mencabar, mudah ubah, dan dapat dikembangkan kepada idea yang lebih luas dan terbuka.

- Pemikiran kreatif berfungsi memperluas dan memperkembang daya imaginasi inovasi dan kreativiti untuk mendapatkan idea yang banyak, pelbagai dan baru.

Alat Cort IV

1. Ya , Tidak
Po

2. Batu
Loncatan

3. Input rawak

4. Cabaran
Konsep

5. Idea
Dominan

6. Takrifkan
Masalah

7. Singkirkan
kecacatan

8. Kombinasi

9. Keperluan

10. Pernilaian



Ya , Tidak , Po




- PO (Supposition/Andaian) (Hypothesis/Idea belum dibuktikan-diguna untuk merangsang pikiran)
- Kalau sesuatu benar atau betul, kata “Ya”
- Kalau sesuatu salah atau palsu, kata “Tidak”
- Kalau anda menganggap sesuatu sebagai idea, khayalan atau cadangan kreatif, kata “PO”


Batu Loncatan



- Idea yang berani dijadikan sebagai batu loncatan untuk mendapat idea (kreatif) yang baru.
- *PO : kedua-dua pelajar mesti memenangi acara baling gasing.
- Idea ini mungkin kedengaran bodoh, tetapi boleh menjadi batu loncatan untuk idea kreatif: bahagikan acara kepada dua pusingan. Maka kedua-dua pelajar boleh menang.




Input Rawak



- Mengaitkan dua perkara yang tidak berkaitan secara rawak untuk mencetus idea-idea baru.
- “Buku PO durian”
- Buku dicipta supaya mempunyai pangsa seperti durian. Setiap bab disimpan dalam pangsa berasingan. Keluarkan pangsa buku untuk dibaca. Simpan kembali bab dalam Pangsa selepas membaca.



Cabaran Konsep



- Memilih satu konsep, cabar konsep itu untuk memastikan sama ada hanya satu cara untuk membuat sesuatu. Apakah cara-cara alternatif?
- Konsep: “Taksi berjalan mengikut bilangan pemandu yang ditetapkan”
- Alternatif: Taksi menunggu penumpang cukup dan berjalan apabila penumpang cukup.

Idea Dominan



- Dalam sesuatu situasi, terdapat satu idea dominan (paling mustahak). Elakkan daripada idea-idea ini dan mencari idea-idea baru
- Idea dominan bagi sesuatu kursus: amali
- Hapuskan amali, terapkan nilai-nilai murni dan banyakkkan dorongan serta cadangan untuk mencapai kejayaan dalam kursus tersebut.



Tafsiran Masalah



- Takrifkan masalah dengan tepat
- Masalah 'Hidup di asrama banyak gangguan emosi'
- Penyelesaian: sesi kaunseling dengan pelajar yang mengalami masalah emosi




Singkirkan Kecacatan



- Kenal pasti semua kecacatan yang ada lalu singkirkan kecacatan-kecatatan berkenaan.
- Kecacatan: Masalah guru yang lambat atau tidak masuk mengajar di dalam kelas
- Penyelesaian: Guru besar membuat mesyuarat dan menasihati guru supaya jangan ponteng waktu mengajar.



Kombinasi



- Gabungkan beberapa perkara menjadi sesuatu yang bernilai tambah
- Gabungan idea kuih dan sambal daging : kuih cara berlauk



Keperluan



- Mengenal pasti semua keperluan situasi supaya idea yang dibentuk menepati keperluan-keperluan berkenaan.
- Keperluan pelajar yang berpindah sekolah: bergaul dengan rakan-rakan baru, menyesuaikan diri dengan keadaan sekolah baru, bertanya guru tentang sukatan pembelajaran yang sudah lepas.



Pernilaian



- Menilai sama ada idea tersebut boleh dilaksanakan atau tidak, sama ada keperluan yang ada dipenuhi dan apa kelemahannya
- Untuk mengatasi buta IT, 'KELAS KOMPUTER' dijalankan kerana menepati keperluan.
- Keperluan: zaman berteknologi tinggi, negara semakin maju, melahirkan rakyat yang celik IT.

Rujukan

- Fong. G (2016 , August 06). Alat-alat coRT (Pemikiran Kreatif) , Retrieved from <https://gohfongblog.wordpress.com/blog/>
- Leong. W. S. , Alat-alat coRT 4 (Pemikiran Kreatif) , Retrieved from <https://wsllcp.wordpress.com/alat-alat-cort-4pemikiran-kreatif/>
- <https://www.slideshare.net/NURSYUHADDA/kemahiran-belajar-alat-cort-64377403>